

16 FEB 1996

Mahathir-Taksub

PM MAHU UMAT ISLAM BERFIKIRAN LEBIH TERBUKA

LANGKAWI, 16 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihati umat Islam di negara ini supaya berfikir lebih terbuka dan tidak terlalu taksub dengan sesuatu.

Beliau berkata, adalah lebih baik jika mereka dapat meninggikan lagi semangat tolarensi dan kesederhanaan.

Sebagai contoh, katanya umat Islam janganlah menolak bulat-bulat sesuatu kebaikan yang dilakukan oleh orang yang tidak mereka sukai.

"Dan janganlah kita menerima secara bulat-bulat pula apa sahaja keburukan hanya kerana ia datang daripada orang yang kita sukai," katanya semasa berucap kepada orang ramai selepas majlis berbuka puasa di Masjid Al Hana di sini, malam ini.

Dr Mahathir berkata sikap sedemikian jika tidak dikikis boleh memudaratkan keutuhan hubungan umat Islam di negara ini.

Sehubungan itu, katanya sejarah kegemilangan dan keruntuhan empayar Islam juga harus dijadikan rujukan untuk mendalami mengapa Islam amat mementingkan sikap kesederhanaan.

Sejarah telah menunjukkan bahawa keruntuhan empayar Islam disebabkan percakaran antara kaum yang terlalu taksub dengan kaum mereka sendiri, katanya.

"Kita tidak mahu apa yang berlaku di kalangan umat Islam ketika itu berlaku di negara ini," katanya.

Beliau berkata selain Al Quran, hadis dan sunnah yang dijadikan panduan, sejarah Islam juga patut didalami sebagai rujukan

Dr Mahathir juga berkata dunia sudah mengenali Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang paling makmur dan berharap tidaklah ada pihak yang cuba mengubahnya.

"Ini dibuktikan apabila kita melihat di seluruh negara mereka yang bukan beragama Islam tetapi bila dijemput ke majlis berbuka puasa akan turut tanpa sebarang rasa syak,"

"Keadaan seperti ini tidak berlaku di kebanyakan negara Islam lain dan seharusnya kita bersyukur serta berusaha mengekalkan keharmonian ini," katanya.

Kira-kira 500 orang menghadiri majlis itu. Anggota Parlimen Langkawi, Datuk Haji Abu Bakar Taib hadir sama. -- BERNAMA

ZAA PR